MyCC

# SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
## MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

MENGGALAKKAN **PERSAINGAN**,
**MELINDUNGI** ANDA



PROMOTING **COMPETITION**,
**PROTECTING** YOU

laporan tahunan **2015** annual report

# rasional
# kulit depan




Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil permainan catur sebagai lambang kepada fungsi organisasi ini yang berperanan untuk mengawal selia penguatkuasaan undang-undang persaingan. Permainan catur secara tradisinya dimainkan oleh dua orang pemain yang memerlukan pemain menyusun langkah dan strategi yang tersusun untuk mengawal langkah lawannya. Pemain yang bijak mengatur strategi dengan baik akan menjadi pemenang. MyCC mengadaptasi corak permainan catur ini dalam mewujudkan persaingan sihat dalam sektor ekonomi negara bagi memastikan keberkesanannya dapat memberi faedah kepada kemajuan negara.

# kandungan

04 perutusan yang berhormat menteri
06 prakata pengerusi
08 prakata ketua pegawai eksekutif
10 anggota MyCC
12 biodata anggota
16 pengurusan eksekutif dan struktur organisasi
17 visi dan misi
18 akta persaingan 2010
20 sorotan tahunan
34 keratan akhbar
38 penyata kewangan

54 versi inggeris

# perutusan yang berhormat menteri




Pelaksanaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) telah dikenalpasti sebagai salah satu inisiatif Pembaharuan Strategik di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) yang bertujuan untuk memupuk persaingan yang sihat di kalangan persuahaan dalam mempertingkatkan ekonomi Malaysia.

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan merupakan sebuah agensi dibawah naungan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) secara berterusan melalui penguatkuasaan AP 2010 berusaha gigih untuk memupuk persekitaran perniagaan yang menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan dalam menggalakkan persaingan dalam landskap perniagaan tempatan.

AP 2010 yang mula berkuatkuasa pada tahun 2012, merangsang pembangunan ekonomi dengan menyokong dan melindungi proses persaingan. Dengan berbuat demikian, persekitaran perniagaan dapat mendorong perniagaan untuk menjadi lebih cekap, inovatif untuk berkembang maju. Perusahaan tempatan yang ingin berjaya dalam pasaran kompetitif mestilah sentiasa berusaha menambahbaik produk dan perkhidmatan sekaligus memberi pilihan yang lebih banyak kepada pengguna pada harga yang berpatutan.

Undang-undang persaingan menyamaratakan keadaan bagi semua perniagaan sama ada besar atau kecil. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat manfaat seperti mana yang didapati oleh syarikat besar. Program yang berkesan terhadap pematuhan undang-undang persaingan merupakan komponen penting dalam tadbir urus korporat, dan seterusnya meningkatkan profil perniagaan itu di persada antarabangsa.

Menurut *World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2015-2016,* Malaysia berada di kedudukan ke-18 negara paling berdaya saing dalam kalangan 140 ekonomi di seluruh dunia. Ini membuktikan keberkesanan pembaharuan yang telah dilaksanakan, sekaligus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam senarai 20 ekonomi paling berdaya saing di dunia, iaitu kedudukan tertinggi yang dicapai oleh negara kita sejak tahun 2005.

Tambahan pula, Malaysia turut meningkatkan kedudukannya dalam *Ease of Doing Business 2015 Report* oleh Bank Dunia iaitu di tempat ke-18 daripada tempat ke-20 pada tahun 2014, mendahului ekonomi lain seperti Taiwan, Switzerland, Thailand, Belanda dan Jepun. Di Asia pula negara kita meraih tempat ke-4 selepas Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan.

Saya amat berbangga atas usaha berterusan MyCC dalam memastikan perusahaan mempunyai kesedaran dan menggalakan pematuhan undang-undang persaingan.

MyCC menubuhkan rejim penguatkusaan mantap untuk membentuk satu persekitaran perniagaan yang lebih berdaya saing, kekurangan pengetahuan tentang undang-undang persaingan tidak boleh digunakan sebagai alasan oleh perusahaan yang melanggar AP 2010.

**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
(KPDNKK)

# prakata pengerusi



Sejak penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada tahun 2011, aktiviti-aktiviti penguatkuasaan MyCC telah mengukuhkan lagi dasar pengawalseliaan MyCC untuk menggalakkan persaingan dalam pasaran.

Sebagai sebuah badan berkanun bebas yang telah diberi mandat untuk menggalakkan persaingan dalam landskap perniagaan tempatan, MyCC terus komited menjalankan kawal selia dan penyiasatan ke atas kes-kes pelanggaran di bawah AP 2010. MyCC juga meneruskan usahanya untuk melibatkan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta bagi meningkatkan kesedaran tentang AP 2010 ini. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh MyCC seperti aktiviti penguatkuasaan dan advokasi, penerbitan garis panduan dan perkongsian maklumat mengenai AP 2010 serta menjalankan kajian pasaran untuk mengenal pasti elemen anti persaingan dalam sektor tertentu.

MyCC bukan sahaja memberi penekanan kepada sektor perniagaan tetapi juga kepada orang awam mengenai kepentingan pelaksanaan AP 2010 ini. Sebanyak 48 program advokasi telah diadakan untuk tujuan tersebut. Peningkatan aduan yang telah diterima oleh MyCC membuktikan tahap kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan pengguna dan komuniti perniagaan tentang usaha yang dilakukan oleh MyCC.

Dalam tahun 2015, MyCC telah mengeluarkan dua Keputusan di bawah seksyen 40, dua Keputusan yang Dicadangkan di bawah seksyen 36 dan menerima satu aku janji daripada *Malaysia Heavy Construction Equipment Owner Association (MHCEOA)* dibawah seksyen 43. MyCC juga telah mengeluarkan arahan kepada empat badan profesional dan surat amaran kepada beberapa persatuan perniagaan.

Selaras dengan hala tuju MyCC pada 2016, MyCC akan terus fokus untuk mempromosi inisiatif tentang kesedaran mengenai tipuan bida dalam kalangan pegawai yang terlibat dalam perolehan awam serta ancaman kepada ekonomi negara.

Pihak kami akan juga meneruskan kerjasama dengan Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan Jabatan Audit Negara dalam isu menentang tipuan bida di peringkat nasional.

Selain itu, pihak MyCC akan menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam isu yang melibatkan industri famaseutikal. Pada masa sama pihak MyCC juga akan menjalankan kajian mengenai sektor famaseutikal pada tahun hadapan. MyCC juga akan bekerjasama dengan universiti awam dan swasta untuk mendidik graduan-graduan tentang kemahiran dan pengetahuan undang-undang persaingan dengan memperkenalkan kursus baharu atau konsep persaingan dalam kursus sedia ada.

Saya yakin dengan adanya peningkatan program kesedaran di universiti akan dapat meningkat kesedaran mengenai Akta ini dalam kalangan graduan. Ini akan memastikan kesinambungan bekalan tenaga kerja profesional yang terpelajar dan terlatih dalam undang-undang persaingan.

Adalah diharapkan pada masa hadapan, saya yakin MyCC mampu untuk mengecapi kejayaan yang cemerlang pada tahun 2016 dan dapat mengukuhkan tenaga kerja dalam menguatkuasakan undang-undang dengan lebih agresif sejajar dengan pengalaman dan kepakaran diperolehi yang semakin berkembang.



**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
Pengerusi, MyCC

# prakata ketua pegawai eksekutif



Semenjak penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) pada 1 Januari 2012 sehingga tahun 2015, MyCC telah menerima sebanyak 231 aduan daripada pihak awam dan 220 aduan telah berjaya ditutup. Isu-isu siasatan dan penilaian oleh MyCC melibatkan pelbagai sektor seperti pembinaan, pengangkutan, makanan, perkhidmatan, farmaseutikal, perbankan/insurans, perkapalan dan pertanian.

Peningkatan jumlah aduan ini menunjukkan pemahaman dan peningkatan kesedaran mengenai AP 2010 bukan sahaja dikalangan perusahaan malahan terhadap orang ramai sendiri yang ingin melihat kewujudan persekitaran yang bebas daripada aktiviti persaingan yang mana ini akan menjadikan pasaran yang lebih sihat dan berdaya saing seterusnya menawarkan pelbagai barangan berkualiti tinggi kepada rakyat dan pada harga yang kompetitif. Persaingan adalah untuk memastikan pengguna mendapat kelebihan dari inovasi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh perusahaan di dalam pasaran.

Selain daripada kes-kes yang telah diselesaikan dan 48 program advokasi terdapat pelbagai inisiatif yang telah diusahakan oleh MyCC dalam usaha berterusan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pematuhan terhadap AP 2010. Sebanyak 48 program advokasi telah dijalankan melibatkan sektor awam dan swasta sepanjang tahun 2015.

Kerjasama strategik bersama agensi kerajaan turut dijalankan bersama SSM dan SME Corp. Ini termasuklah *roadshows* di seluruh negara melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Dalam tahun 2015, MyCC telah memuktamadkan dua kajian penyelidikan bersama pihak penyelidik di bawah *Research Grant Programme (RGP)* mengenai undang-undang persaingan yang bertajuk, *Competitive Strategies of Real Estate Agents in Malaysia: A Case Study in Klang Valley,* dan *Anti Competitive Behaviour in the Financial Sector - A Tool Kit for Internal Auditors.*

MyCC juga terlibat dalam Pembangunan Modul Undang-Undang Persaingan bersama Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Terdapat dua IPT yang telah memperkenalkan subjek persaingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Perdana. MyCC juga menerbitkan buku Panduan Perancangan Strategik Advokasi dan Komunikasi MyCC 2015-2017.

MyCC telah memberikan nasihat dasar kepada dua agensi kerajaan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Lembaga Getah Malaysia yang melibatkan isu persaingan. Pada tahun ini juga buat julung julung kali sejak penubuhannya pada tahun 2011, MyCC telah menganjurkan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MyCC.

MyCC dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) serta lima Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Taylor's University telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada November 2015. Termeterainya MoU ini secara rasminya menyatakan hasrat MyCC, MKM serta IPT bagi menggalakkan dan membangunkan bidang pendidikan dan penyelidikan serta aktiviti lain yang berkaitan undang-undang persaingan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya di atas nasihat dan bimbingan serta kepada pihak pengurusan eksekutif atas daya usaha dan sokongan mereka yang berterusan. Penghargaan saya juga kepada semua warga kerja MyCC atas komitmen anda untuk mencapai visi dan misi MyCC. Saya yakin MyCC dengan sokongan warga kerja yang berdedikasi dan berintegriti, akan terus mencapai kemajuan yang besar pada tahun akan datang.

**DATO' ABU SAMAH SHABUDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif, MyCC

# anggota MyCC



Tuan Ragunath Kesavan

Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
**Pengerusi**

Dato' Dr. Gan Khuan Poh



Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

Puan Normazli Abdul Rahim

# biodata anggota

## Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob adalah merupakan Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang telah dilantik pada 1 April 2011. Mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perundangan, beliau telah dipanggil untuk menyertai *English Bar* pada tahun 1962. Beliau juga merupakan wanita pertama yang terlibat dalam Sistem Kehakiman dan Undang-Undang di Malaysia. Dedikasi beliau dalam kerjaya kemudiannya melayakkan beliau untuk menjadi wanita pertama yang dilantik memegang jawatan eksekutif di dalam Perkhidmatan Kehakiman & Undang-Undang Malaysia pada tahun 1963 dan seterusnya menduduki Kerusi Mahkamah Tinggi pada tahun 1983. Pencapaian demi pencapaian diraih beliau dalam kerjaya yang memperlihatkan pada tahun 1994 beliau dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 2001. Mengangkat sumpah sebagai Ketua Hakim Malaysia pada tahun 2005, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma secara rasmi bersara pada Januari 2007.

Pada Januari 2008, Mahkamah Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC) melantik Tan Sri Dato' Seri Siti Norma sebagai salah seorang daripada enam hakim perintis yang juga menjadikan beliau sebagai hakim wanita pertama yang menyertai Mahkamah DIFC.

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma kini menjadi ahli lembaga dalam beberapa syarikat dan agensi yang berikut:

1) Pengerusi di RAM Holdings Berhad
2) Pengerusi RAM Rating Service Berhad
3) Pengerusi Biro Pengantaraan Kewangan
4) Pengarah Tenaga Nasional Berhad
5) Pengarah Bank Negara Malaysia

Beliau juga merupakan Pro-Canselor di Universiti Malaya sejak tahun 2007 dan menduduki Kerusi Kehormat dalam Persatuan Terhormat di Grays Inn, London dimana pernah menjadi tempat beliau menuntut ilmu.

## Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria

Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebelum pelantikan ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan), MITI. Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 dan telah memegang pelbagai jawatan di Kementerian Perdagangan dan Industri yang terdahulu. Pada tahun 1988, beliau telah dipinjamkan ke Loji Kuarantin dan Pusat Latihan ASEAN sebagai Ketua Pegawai Pentadbiran dan Perolehan. Pada tahun 2006, beliau mempengerusikan Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi ASEAN (SEOM). Kini beliau merupakan Pengerusi Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas bagi Integrasi Ekonomi ASEAN. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Forum Ekonomi Dunia, Majlis Agenda Global, Asia Tenggara. Tan Sri Dr. Rebecca merupakan graduan jurusan Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Bahasa Inggeris dari Universiti Malaya (UM). Beliau menerima Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia pada tahun 1981. Beliau juga memiliki M.S. (Kaunseling) dari Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia). Beliau memegang Ph.D daripada University of Georgia di Athens, Amerika Syarikat, di mana beliau telah dianugerahkan Anugerah Malcolm Knowles bagi disertasi Ph.D terbaik dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia oleh Persatuan Pembangunan Sumber Manusia Amerika Syarikat pada tahun 2000. Beliau juga adalah merupakan pemegang amanah bagi Yayasan MyKasih; dan ahli Lembaga Pengarah Pusat Kaunseling Emmaus.

## Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 30 tahun. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi pernah memegang pelbagai jawatan kanan di Kementerian Kewangan. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sistem dan Kawalan) di Kementerian Kewangan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah EPU pada 19 Oktober 2011.

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi ialah Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Perbadanan Putrajaya dan MRT Corporation Sdn Bhd dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau turut memegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Western Michigan, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah dari Australia National University, Australia.

## Prof. Dato’ Dr. Sothi Rachagan

Profesor Dato’ Dr. Sothi Rachagan adalah merupakan Naib Canselor di Universiti Nilai. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Undang-Undang di Universiti Malaya dan juga sebagai Naib Canselor di Universiti Perdana. Prof. Dato’ Dr. Sothi memegang B.A. (Malaya), Post-Grad Dip Arts (Otago), M.A. (Otago), LL M (Bristol) dan PhD (London). Beliau merupakan Barrister-at-Law (Lincoln’s Inn) dan Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau berkhidmat di *UNCTAD International Expert Panel on Consumer Protection and the Advisory Panels of Consumer and Competition Law Centres* di beberapa universiti asing. Beliau juga merupakan bekas presiden *International Association of Consumer Law* dan bertugas sebagai Pengerusi *Working Committee on Financial Services of UNCTAD* di bahagian *UN Guidelines on Consumer Protection.*

Beliau telah banyak menerbitkan dan membentangkan kertas kerja yang menekankan isu alam sekitar, kemanusiaan, persaingan, kepenggunaan dan undang-undang pengundian.

## Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin merupakan rakan pengasas Hisham & Associates dan juga seorang Perunding Undang-Undang Korporat yang membawa bersamanya pengalaman undang-undang lebih tiga puluh tahun. Pengetahuannya yang luas merangkumi bidang-bidang seperti petrokimia, minyak dan gas, dan harta intelek, penerbangan, perbankan korporat dan amalan buruh memberi banyak manfaat kepada MyCC. Sebagai Ejen Tanda Dagangan berdaftar dan Reka Bentuk Perindustrian, Dato' Hisham amat mahir dengan undang-undang, dan prosedur yang berkaitan dengan harta intelektual termasuk hak cipta, pemalsuan, dan perintah-perintah injuksi. Dato' Ahmad Hisham adalah merupakan Presiden Tribunal Mahkamah Pengguna di Malaysia di bawah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Beliau juga berperanan bagi mempengerusikan perbicaraan pengguna terhadap para peniaga dan ahli-ahli perniagaan di seluruh negara. Beliau terlibat secara aktif dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia.

## Dato' Dr. Gan Khuan Poh

Dato' Dr. Gan Khuan Poh adalah seorang ahli ekonomi dan perunding korporat dengan pengalaman lebih daripada tiga dekad dalam sektor awam dan swasta. Beliau pernah berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan juga dalam bidang akademik sebagai Profesor Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengetahuan beliau yang luas dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengawalseliaan sektor *ICT* memberi manfaat kepada peranan MyCC dalam mengawalselia persaingan. Kajian beliau dalam *Economics of Regulation and Competition, Distribution Economics* dan *Economics Development in Emerging Economies* boleh menyumbang kepada MyCC secara khasnya.

## Tuan Ragunath Kesavan

Tuan Ragunath Kesavan ialah seorang pengamal undang-undang lebih dari 25 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Presiden Majlis Peguam Malaysia dari tahun 2009 hingga 2011. Beliau telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1991. Beliau berkelayakan sebagai Peguambela di Gray's Inn, London setelah didaftaraikan sebagai Peguambela England & Wales pada tahun 1990. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Genetik) dari Universiti Malaya pada tahun 1985, LLB dari University of Wales Aberystwyth pada tahun 1989 dan LLM dari Universiti Malaya pada tahun 1995. Ragunath Kesavan juga adalah merupakan ahli panel *Arbitrators* dan *Adjudicators Kuala Lumpur Regional Centre of Arbitration*.

## Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid ialah Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Beliau juga merupakan mantan Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) Bahagian Pengajian Siswazah. Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid telah menerbitkan banyak artikel dan menyunting jurnal-jurnal akademik, serta memberi syarahan di seminar dan persidangan mengenai pembangunan dan ekonomi antarabangsa, islam dan serantau. Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai perunding kepada pelbagai institusi penyelidikan, dan memainkan peranan penting dalam projek-projek berasaskan ekonomi.

## Puan Normazli Abdul Rahim

Puan Normazli Abdul Rahim adalah merupakan Peguamcara Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau mendapat pendidikan di Selangor dan melanjutkan pelajarannya diperingkat Ijazah Undang-undang di Leed Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1991. Beliau seterusnya menjadi Peguambela di Lincoln Inn, London, United Kingdom pada tahun 1992.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundangan sebagai Penolong Peguamcara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan pada tahun 1993. Puan Normazli pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, memegang beberapa jawatan dan juga pernah menjadi Penasihat Undang-undang di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau kini memegang jawatan sebagai pengarah di Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC).

# pengurusan eksekutif dan struktur organisasi




## Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah sebuah badan berkanun bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama MyCC adalah untuk melindungi proses persaingan bagi faedah perniagaan, pengguna dan ekonomi secara amnya.

# visi dan misi



## visi

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di malaysia



## misi

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi.

# akta persaingan 2010

**Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Akta-akta ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan melindungi proses persaingan dalam pasaran dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011 bagi menyelia peruntukan-peruntukan AP 2010.**

## SKOP

AP 2010 meliputi semua aktiviti komersial - di dalam dan luar Malaysia - yang mempunyai kesan terhadap persaingan pasaran di Malaysia. Perjanjian anti persaingan yang dilarang oleh AP 2010 adalah seperti penetapan harga, berkongsi pasaran atau sumber bekalan, mengehadkan atau mengawal pengeluaran, dan tipuan bida. Selain melarang perjanjian anti persaingan, AP 2010 juga meliputi amalan oleh perusahaan dominan yang sengaja bertujuan untuk memaksa pesaing keluar dari pasaran. Dalam kes perusahaan yang telah mendapat bahagian pasaran terbesar, AP 2010 melarang tingkah laku oleh perusahaan itu yang membawa kepada penyalahgunaan kedudukan dominannya, seperti diskriminasi harga, berkelakuan seperti pemangsa, keengganan untuk membekal, jualan terikat, dan membeli semua barangan atau sumber yang sukar didapati. AP 2010 mengecualikan aktiviti-aktiviti tertentu, termasuk:

- Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa kerajaan.
- Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan.
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula.
- Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang.

- Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak warga kerja.
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi umum, meliputi kemudahan awam, atau yang mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan pulangan. AP 2010 tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Akta Pembangunan Petroleum 1974, dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974.

## MEMACU BUDAYA PERSAINGAN DALAM 2015

AP 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi Negara dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam pasaran serta melindungi kepentingan pengguna. Bagi menyelia peruntukan di dalam AP 2010, MyCC telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011.

Individu-individu yang dilantik sebagai Anggota-anggota MyCC telah diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 1 April 2011. Pengerusi Suruhanjaya disertai oleh empat wakil kerajaan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Peguam Negara, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan lima orang wakil daripada sektor swasta. Anggota-anggota MyCC adalah pakar-pakar dari pelbagai bidang seperti undang-undang, ekonomi, perniagaan, industri, perdagangan, pentadbiran awam, persaingan dan perlindungan pengguna. Semua usaha telah dibuat untuk memastikan pelbagai sektor mempunyai wakil bagi membolehkan MyCC mencapai aspirasinya.

Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di Menara SSM@Sentral, KL Sentral pada 17 Januari 2013 menandakan permulaan satu era baharu dalam operasi agensi ini dan merupakan yang pertama daripada detik-detik penting dalam tahun yang hebat. Selain memulakan operasi di ibu pejabat yang baharu, MyCC terus menambah bilangan warga kerjanya pada tahun 2013 bagi memenuhi keperluan rancangan pengembangannya. MyCC kekal komited kepada matlamatnya untuk menyediakan suasana kerja yang selamat, menyokong dan kondusif bagi warga kerjanya.

Pejabat MyCC telah beroperasi sejak 1 Jun 2011. Sejak itu MyCC telah menubuhkan sepuluh jawatankuasa kerja untuk membantu serta melaksanakan fungsi utamanya. Anggota MyCC mengetuai setiap jawatankuasa kerja bersama dengan wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta yang berkaitan. Jawatankuasa-jawatankuasa adalah seperti berikut:

a) Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan;
b) Jawatankuasa Latihan Sumber Manusia dan Kompetensi;
c) Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia;
d) Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi;
e) Jawatankuasa Garis Panduan;
f) Jawatankuasa Audit;
g ) Jawatankuasa Ekonomi;
h) Jawatankuasa Penguatkuasaan;
i) Jawatankuasa Tatatertib; dan
j) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib.

# sorotan tahunan

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Akta Persaingan 2010 (AP 2010) telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012. AP 2010 dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang merupakan sebuah badan berkanun bebas yang ditubuhkan pada 1 April 2011.

AP 2010 memberi kuasa penuh kepada MyCC untuk menjalankan fungsi-fungsi utamanya seperti penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di dalam AP 2010, mengeluarkan garis panduan berkaitan undang-undang persaingan, menjadikan MyCC dalam hal ehwal persaingan dalam ekonomi Malaysia serta mendidik masyarakat bagaimana kuasa persaingan mampu memberi manfaat kepada para pengguna dan jugak tunggak utama ekonomi tempatan.

## PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH MyCC

Untuk tahun 2015, MyCC telah menyelesaikan beberapa penyiasatan. Berikut adalah hasil-hasil penyiasatan:-

### A. KEPUTUSAN YANG DICADANGKAN (SEKSYEN 36)

MyCC telah mengeluarkan dua (2) Keputusan yang Dicadangkan *(Proposed Decision)* di bawah seksyen 36 AP 2010 dan jumlah keseluruhan penalti yang dicadangkan adalah RM952,974.00.

**i. Kes Pengendali Depoh Kontena**

Pada 19 Jun 2015, Keputusan yang Dicadangkan telah dikeluarkan terhadap *Containerchain (Malaysia) Sdn. Bhd.; Ayza Industries Sdn. Bhd.; Ayza Logistics Sdn. Bhd.; ICS Depot Services Sdn. Bhd.; E.A.E. Depot & Freight Forwarding Sdn. Bhd.;* dan *Prompt Dynamics Sdn. Bhd.* kerana telah melanggar seksyen 4(2) AP 2010 dengan membuat pakatan menaikkan harga di pintu depoh serta menyeragamkan sistem rebat yang sama. Jumlah cadangan penalti yang dikenakan adalah sebanyak RM645,774.00; dan

**ii. Kes My E.G. Services Berhad (MyEG)**

Pada 6 Oktober 2015, MyCC telah mengeluarkan Keputusan yang Dicadangkan terhadap MyEG kerana telah melanggar seksyen 10 AP 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominan dalam peruntukan dan pengurusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau permohonan pembaharuan Permit Pekerja Asing secara atas talian. MyEG telah mengenakan syarat berlainan dalam kes ini, ke atas urusan yang setara dengan pesaing-pesaingnya yang menyebabkan kesan buruk kepada persaingan. Cadangan penalti yang dikenakan ke atas MyEG adalah sebanyak RM307,200.00. serta penalti harian sebanyak RM7,500.00 dari 7 Oktober 2015 sehingga tarikh keputusan yang dikeluarkan. Jumlah penalti yang dikenakan kepada MyEG adalah sebanyak RM2,272,200.00.

> ***"MyCC telah mengeluarkan dua (2) Keputusan dengan penalti kewangan ke atas 39 syarikat kerana pelanggaran ke atas AP 2010. Penalti kewangan yang dikenakan adalah sebanyak RM499,980.00."***

**B. DAPATAN PELANGGARAN (SEKSYEN 40)**

MyCC telah mengeluarkan dua (2) Keputusan ke atas 39 perusahaan kerana pelanggaran ke atas AP 2010. Penalti kewangan yang dikenakan adalah sebanyak RM499,980.00 ke atas syarikat-syarikat berikut:

i. **Kes Pengeluar Ais**
24 pengeluar ais didapati telah bersepakat menaikkan harga ais sebanyak RM0.50 setiap beg dan RM2.50 setiap blok ais mulai dari 1 Januari 2014 yang dengan jelas melanggar seksyen 4(2)(a) AP 2010. Penalti kewangan telah dikenakan terhadap 24 pengeluar ais ini pada 30 Januari 2015 sebanyak RM252,250.00. Kes ini telah selesai dan ditutup.

ii. **Kes Pengusaha Bakeri dan Manisan Sibu *(Sibu Confectionary and Bakers Association (SCBA)***
15 perusahaan yang merupakan ahli SCBA didapati telah melanggar seksyen 4(2)(a) AP 2010 dengan berpakat untuk menaikkan harga manisan dan produk bakeri sebanyak 10 hingga 15 peratus di Sibu, Sarawak. Perusahaan-perusahaan ini telah dikenakan penalti sebanyak RM247,730.00 pada 12 Februari 2015. Kes ini telah selesai dan ditutup.




*Taklimat Mengenai Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" di bawah Akta Persaingan 2010 bersama Kementerian Kerja Raya, 13 April 2015*

## C. DAPATAN TIADA PELANGGARAN (SEKSYEN 39)

Sepanjang tahun 2015, MyCC telah memberikan Notis Dapatan Tiada Pelanggaran ke atas perusahaan yang tersenarai di bawah:

i. **Kes Pengeluar Ais (United Sundry Goods (Taiping) Sdn. Bhd.)** pada 30 Januari 2015.

ii. **Kes Pangsapuri Perdana** pada 12 Februari 2015.

iii. **Kes Pengusaha Bakeri dan Manisan Sibu** ke atas 9 pengusaha pada 12 Februari 2015.

iv. **Kes Persatuan Pengusaha Restoran Sarawak *(Sarawak Restaurants Association)*** pada 6 April 2015.

v. **Kes My Egg Consortium Sdn. Bhd.** pada 4 Jun 2015.

vi. **Kes Persekutuan Pertubuhan Alat Tulis dan Buku Malaysia *(Federation of Stationers and Booksellers Association of Malaysia)*** pada 26 Oktober 2015.

**D. AKU JANJI (SEKSYEN 43)**

Pada 12 Oktober 2015, MyCC telah menerima aku janji daripada ahli *Malaysia Heavy Construction Equipment Owners Association (MHCEOA).* Aku janji ini adalah berkaitan dengan pengumuman oleh MHCEOA yang diterbitkan dalam akhbar Sin Chew Daily bertajuk *Cost For Leasing of Machinery to Increase by 15%* pada 10 Januari 2013. Pengumuman tersebut dibuat berkenaan persetujuan *MHCEOA* untuk menyelaraskan harga sewaan mesin. Aku janji tersebut antaranya mengarahkan *MHCEOA* untuk meminda perlembagaannya dan mencegah persatuan tersebut daripada mengeluarkan kenyataan yang sama pada masa akan datang. MyCC telah menutup kes terhadap *MHCEOA* tanpa dapatan pelanggaran.

**E. ARAHAN DI BAWAH KUASA MyCC**

MyCC mengeluarkan arahan ke atas empat (4) badan profesional, iaitu *Malaysian Dental Association (MDA), the Malaysian Institute of Arbitrators (MiArb), Institute of Landscape Architects of Malaysian (ILAM)* dan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) untuk menghapuskan skala yuran mereka. Didapati bahawa badan-badan ini (kecuali MiArb yang hanya menetapkan skala bayaran untuk penimbangtara) menetapkan skala yuran mereka tanpa sebarang mandat undang-undang. Keempat-empat badan ini telah menjalankan penghapusan skala yuran mereka atas arahan MyCC.

**F. SURAT AMARAN**

Surat amaran telah dikeluarkan oleh MyCC kepada beberapa persatuan yang disyaki melakukan penetapan harga. Persatuan-persatuan ini terlibat dalam industri penjagaan kanak-kanak, makanan, pengeluaran, komoditi dan penternakan.

> ***"Surat amaran telah dikeluarkan oleh MyCC kepada beberapa persatuan yang disyaki melakukan penetapan harga dan dikhuatiri menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan."***

## ADVOKASI

MyCC telah menerbitkan "Pelan Strategik Advokasi & Komunikasi Persaingan 2015-2017" yang menentukan pelan kerja MyCC dalam pelaksanaan Akta Persaingan 2010 dalam fasa kedua ini. Secara umumnya, program advokasi merupakan salah satu mekanisme selain daripada aktiviti penguatkuasaan dalam mempromosikan Akta dan menggalakkan pematuhan.

Pada tahun 2015, MyCC telah menjalankan sebanyak 48 program advokasi yang melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta di seluruh negara. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

**22 jan**

Taklimat mengenai Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam bersama Perbadanan Putrajaya

**27 jan**

Taklimat Akta Persaingan 2010 bersama MIMOS Bhd

**6 mac**

Sesi *Engagement* mengenai Akta Persaingan 2010 bersama *Chartered Secretaries Malaysia (MAICSA)*

**09 mac**

Sesi Sembang-sembang mengenai Akta Persaingan 2010 bersama NGO Kepenggunaan

**18 mac**

Sesi Sembang-sembang mengenai Akta Persaingan 2010 bersama pihak Industri

**19 mac**

*Tough but Fair Competition for the sake of the Consumer,* bersama *Malaysia Automotive Institute (MAI)*

## 26 & 30 mac

Sesi *Engagement* mengenai Akta Persaingan 2010 bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) & Taylor's University

## 07 apr

Sesi *Engagement* mengenai Akta Persaingan 2010 bersama *Malaysian Institute of Accountants (MIA)*

## 09 apr

Sesi *Engagement* mengenai Akta Persaingan 2010 bersama *Small Medium Enterprise Corporation (SME Corp)*

## 13 apr

Taklimat Mengenai Tipuan Bida dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kerja Raya (KKR)

## 16 apr

Sesi *Engagement* mengenai Akta Persaingan 2010 bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

## 29 apr

Taklimat Akta Persaingan 2010 bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM)

## 19 mei

Sesi *Engagement* bersama Kementerian Kewangan (MOF), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara (JAN)

## 26 mei

*Workshop on Malaysian Competition Law* bersama Institut Latihan Kehakiman & Perundangan (ILKAP) & Jabatan Peguam Negara

## 08 - 17 jun

Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 di 19 buah negeri dan cawangan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

## 10 jun

*APEC Workshop on Sharing Best Practices on Public Consultations* anjuran *Malaysian Productivity Corporation (MPC)*

## 11 jun

Taklimat Pematuhan Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010 bersama pihak Industri

## 15 jun

Taklimat Akta Persaingan 2010 di *Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) International Conference & Exhibition 2015*

## 11 jul

Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 bersama Persatuan Taska Negeri Kedah

## 28 jul

Taklimat mengenai Anti Persaingan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

## 12 ogos

Kursus mengenai Akta Persaingan 2010 bersama Media dan *Malaysian Press Institute (MPI)*

## 08 sept

*ADB-Asian Think Tank Development Forum 2015* anjuran *Malaysian Institute of Economic Research (MIER)*

## 29 sept

Taklimat mengenai *Competition Act: How Can SMEs Benefit?* anjuran bersama *SME Corp*

## 08 okt

Taklimat mengenai Bicara Profesional Persaingan Kompetitif: Bersediakah Koperasi?

## 13 okt

Persidangan Ke Arah Negara Maju: Meningkatkan Perlindungan dan Ketahanan Pengguna

## 26 okt

Taklimat mengenai *Competition Act: How Can SMEs Benefit?* anjuran bersama *SME Corp*

## 29 okt

*Training on Leniency and Financial Penalty under the Competition Act 2010* anjuran bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

## 05 nov

Taklimat mengenai *Competition Act: How Can SMEs Benefit?* anjuran bersama *SME Corp*

## 17 nov

*Federation of Malaysian Manufactures (FMM) Logistics Conference 2015*

## 03 dis

*Training on Leniency and Financial Penalty under the Competition Act 2010* anjuran bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

## Memorandum Persefahaman (MoU)

Pada 27 November 2015, MyCC telah menandatangani enam Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Maktab Koperasi Malaysia dan lima Institusi Pengajian Tinggi yang lain iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Taylor's University.

MoU ini menjelaskan bidang kerjasama antara MyCC, MKM dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang terlibat untuk mengambil bahagian dalam program advokasi dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta Persaingan 2010. Objektif utama MoU ini adalah untuk mewujudkan kerjasama antara semua pihak dalam memperkenalkan dan menambahbaik subjek atau modul undang-undang persaingan serta membangunkan kumpulan pakar dalam penyelidikan undang-undang persaingan di Malaysia.

## Program Geran Penyelidikan MyCC (RGP)

MyCC menggalakkan penyertaan para penyelidik dari universiti, institut penyelidikan, kumpulan pemikir dan masyarakat awam untuk menyertai Program Geran Penyelidikan MyCC yang juga dikenali sebagai *Research Grant Programme (RGP)* bagi menggalakkan penglibatan pihak akademik dalam kajian melibatkan dasar dan undang-undang persaingan. Sebanyak empat permohonan geran RGP telah diterima pada tahun 2015 dan dua (2) permohonan ini berjaya menerima geran sebanyak RM25,000.00 seorang untuk menjalankan kajian relevan kepada MyCC.

## Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan

Mesyuarat Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan yang dipengerusikan oleh MyCC ini telah diadakan pada 16 November 2015 bagi membincangkan pelbagai isu persaingan merentasi pengawal-pengawal selia sektor yang lain, iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Antara isu yang dibincangkan pada tahun ini merupakan isu-isu yang berkaitan persaingan adalah dalam sektor-sektor telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan dan tenaga.

## Lawatan Kerja ke MyCC

Pada tahun 2015, MyCC telah menerima beberapa kunjungan hormat serta lawatan kerja dari agensi tempatan dan juga pihak luar negara. Pada 5 Oktober 2015, MyCC telah menerima lawatan kerja dari pihak *Taiwan Fair Trade Commission (TFTC)* yang diketuai Anggota Suruhanjaya TFTC, Dr. Hung-Hai Chang. MyCC juga menerima lawatan kerja dari Ruben L. Maximiano yang merupakan pakar persaingan dari *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* pada 8 Oktober 2015. Selain itu, MyCC turut menerima lawatan kerja dari Rasul Butt yang merupakan Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat & Hal Ehwal Awam dari *Hong Kong Competition Commission (HKCC)* pada 19 Oktober 2015.




*Seminar "Effective Tools for Combatting Cartels and Abuse of Dominance" dianjurkan oleh Taiwan Fair Trade Commission (TFTC) di JW Marriot Hotel Kuala Lumpur, 6 & 7 Oktober 2015*

**Lawatan Kerja MyCC ke Luar Negara**

Pada 15 September 2015, MyCC telah mengadakan lawatan kerja ke *Competition & Markets Authority (CMA)* di London bagi merapatkan hubungan dua hala di antara dua agensi di samping meningkatkan pengetahuan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan, penguatkuasaan serta pelaksanaan dasar dan undang-undang persaingan untuk kepentingan pengguna di Malaysia. Lawatan kerja yang diketuai oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), turut disertai oleh Dr. Mohd Khalid Abd. Samad, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC dan Ayuda Sari binti Ismail, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa.

**Program Bina Upaya Antarabangsa anjuran MyCC**

MyCC dengan kerjasama pihak *Taiwan Fair Trade Commission (TFTC)* telah berjaya menganjurkan satu seminar yang bertajuk *Effective Tools for Combatting Cartels and Abuse of Dominance* pada 6 dan 7 Oktober 2015 di Kuala Lumpur. Seminar yang mengumpulkan pakar-pakar persaingan di kalangan negara Asia ini turut disertai oleh agensi-agensi penguatkuasaan persaingan antarabangsa.

**Program Bina Upaya MyCC di peringkat Antarabangsa**

Sebanyak 19 program bina upaya yang terdiri daripada bengkel, seminar dan persidangan mengenai dasar dan undang-undang persaingan telah dihadiri oleh MyCC sepanjang tahun 2015. Program-program ini adalah bagi meningkatkan lagi kepakaran MyCC dalam melaksanakan undang-undang persaingan di Malaysia di samping mewakili Malaysia dalam sesi perkongsian ilmu dan pengalaman bersama negara-negara yang lain. Program-program yang telah disertai oleh MyCC sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

**02-04 mac**
*Workshop on Developing Institutional Core Competencies for Competition Regulation - Regulator Perspectives* di Surabaya, Indonesia

**20-22 apr**
*Workshop on Fighting Bid Rigging* di Manila, Filipina

**23 apr**
*Conference on The Future of Competition Law and Policy in the ASEAN Countries* di Singapura.

**02-07 mei**
*Economics Institute for Competition Enforcement Officials* di Sydney, Australia

**04-06 mei**
Lawatan Sambil Belajar *ASEAN Members States to Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) supported under the ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Competition Law Implementation Program (CLIP)* di Sydney, Australia

**04-05 jun**
*5th ASEAN Competition Conference: Advancing Competition Policy and Law Post-2015: Progress, Opportunities and Challenges* di Ho Chi Minh City, Vietnam

**09-10 jun**
*Jakarta International Competition Forum* di Jakarta, Indonesia

**24-26 jun**
Seminar Advokasi Organisation *for Economic Co-operation and Development (OECD) - Korea Policy Centre (KPC) Leaders* di Singapura

**25-26 jun**
Sesi *2nd Asia Pacific Anti-Competition* di Hong Kong

**06-10 julai**
*7th United Nations (UN) Conference to Review the UN Set of Multilaterally Agreed Equitable Principles and Rules for the Control of Restrictive Business Practices on Competition Policy* di Geneva



*Mesyuarat The 7th Project Steering Committee For The Asean-German Cooperation Project on Competition Policy & Law In Asean (7TH PSC ASEAN-GERMANY) di Kemboja, 3 Disember 2015*

## 05 julai

*Forbidden Business Practices under Competition Laws in Indonesia, Singapore, Vietnam and Malaysia for Thailand enterprises and business owners* di Bangkok, Thailand

## 05 ogos

*Enforcement of Competition Law in Indonesia, Vietnam, Singapore and Malaysia* di Bangkok, Thailand

## 15-17 sept

*OECD - KPC Sectoral Workshop on Competition Issues in Telecommunications and ICT Sectors* di Seoul

## 15-22 sept

*Training in Financial Conduct Authority (FCA)* di London

## 29 sept

*Basic Investigation Skills Workshop: Putting Theory into Practice - Gathering Evidence Effectively and Ethically* di Yogjakarta, Indonesia

## 13-15 okt

*Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Training Course on Competition Policy* di Kazan, Rusia

## 29-31 okt

*OECD 14th Global Forum on Competition* di Paris, Perancis

## 03-05 nov

*Workshop on Best Practices on a Regional Co-operation Framework among ASEAN Competition Authorities* di Manila, Filipina

## 15-20 nov

Seminar *Economics Institute for Competition Enforcement Officials* di Virginia, Amerika Syarikat



*Lawatan Kerja oleh Taiwan Fair Trade Commission (TFTC) ke MyCC, 5 Oktober 2015*




*Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Maktab Koperasi Malaysia dan Lima Institusi Pengajian Tinggi di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Putrajaya, 27 November 2015*



*Mesyuarat The 4th Asean-Australia-New Zealand FTA Committee on Competition (4th AANZFTA CC) di Kemboja, 2 Disember 2015*

**Program Penempatan MyCC di Agensi Antarabangsa**

Pada tahun 2015, MyCC telah meneruskan program penempatan MyCC di agensi antarabangsa yang bertujuan untuk meningkatkan kepakaran MyCC dalam melaksanakan undang-undang persaingan di Malaysia terutamanya bagi mengendalikan isu dan kes-kes persaingan. Anggota Suruhanjaya, Dato' Ahmad Hisham Kamarudin telah ditempatkan di *Financial Conduct Authority (FCA)* di London pada 16-22 September 2015 bagi mempelajari dengan lebih lanjut peranan dan fungsi-fungsi *FCA* terutamanya dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan dasar persaingan yang berkaitan dengan sektor kewangan di United Kingdom.

**Mesyuarat di peringkat Antarabangsa.**
Pada tahun 2015, MyCC telah menghadiri enam mesyuarat di peringkat antarabangsa, iaitu seperti berikut:

## 16-21 mar

Mesyuarat *15th ASEAN Experts Group on Competition (AEGC)* di Phnom Penh, Kemboja

## 28 apr -01 mei

Mesyuarat *International Competition Network Annual* di Sydney, Australia

## 07-08 mei

Mesyuarat 3rd Committee *ASEAN-Australia-New Zealand Trade Agreement (AANZFTA) on Competition* di Sydney, Australia

## 24-27 ogos

Mesyuarat *11th East Asia Top Level Officials on Competition Policy and the 9th East Asia Conference on Competition Law and Policy* di Ho Chi Minh City, Vietnam

## 14-15 sept

Mesyuarat *2nd ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) Website dan 4th AEGC Meeting on Regional Competition Advocacy* di Jakarta, Indonesia

## 30 nov -03 dis

Mesyuarat *16th ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) with Competition Experts, dan Mesyuarat 4th Committee on Competition and 7th Project Committee* di Siem Reap, Kemboja




*Mesyuarat The 16th Asean Expert Group on Competition (AEGC) di Siem Reap, Kemboja, 30 November - 2 Disember 2015*

## PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pelbagai program publisiti, pameran dan promosi telah dijalankan oleh MyCC sepanjang tahun 2015 melibatkan wawancara dan temubual di media elektronik (televisyen dan radio), publisiti di media cetak dan elektronik dan hebahan di portal rasmi MyCC.

Bahagian Hal Ehwal Korporat ini juga menyelaras dan membantu dalam menguruskan semua program di MyCC dalam memastikan perjalanan majlis berjalan lancar termasuklah senarai semak aturcara, penyediaan teks ucapan, kit pelawat dan media, cenderamata dan yang berkaitan. Ini termasuklah menyelaraskan pameran program rasmi anjuran kementerian dan agensi di bawah kementerian.

**Laman Sesawang dan Platform Media Sosial MyCC**

Laman sesawang MyCC, www.mycc.gov.my bertindak sebagai sumber maklumat yang menghubungkan MyCC dengan pihak-pihak lain yang berminat untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti MyCC, terutamanya dalam aspek undang-undang, penguatkuasaan dan sokongan. Laman sesawang MyCC dilancarkan pada bulan September 2011. MyCC juga telah mengambil satu lagi langkah dalam memanfaatkan penglibatan dengan masyarakat awam melalui platform media sosial seperti laman sesawang, Facebook MyCC dan YouTube MyCC. Platform ini menyokong saluran komunikasi, sokongan dan pendedahan jenama, sebagai tambahan kepada laman sesawang MyCC. Laman sesawang rasmi Facebook serta Twitter MyCC dan saluran YouTube boleh didapati di alamat berikut:

- facebook.com/The Malaysia Competition Commission
- twitter.com/theMyCC
- youtube.com/MyCCNews




*Program Ala-Carte Pagi bersama Iskandar Ismail, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan MyCC di BERNAMA Radio24, 19 November 2015*

# penyata kewangan

# sijil ketua audit negara

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

# penyata ahli lembaga

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 OGOS 2016

# penyata ahli lembaga

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA PERSAINGAN

Saya **TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB dan PROF. DATO' DR. S. SOTHI RACHAGAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Suruhanjaya Persaingan** dengan in menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Suruhanjaya Persaingan** pada **31 Disember 2015** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

……………………………………

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 15 OGOS 2016
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

……………………………………

**PROF. DATO' DR. S. SOTHI RACHAGAN**
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 15 OGOS 2016
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral
No 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Tel: +603 2273 2277
Faks: +603 2272 1692
www.mycc.gov.my

# pengakuan berkanun

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **DATO' ABU SAMAH BIN SHABUDIN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di KUALA LUMPUR )
pada 15 AUG 2016 )

**DATO' ABU SAMAH BIN SHABUDIN**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No. W607
Nama: GURDEEP SINGH A/L JAG SINGH

**PESURUHJAYA SUMPAH**

5B, JALAN RAKYAT
( JALAN TRAVERS )
BRICKFIELDS
50470 KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM@Sentral
No 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Tel: +603 2273 2277
Faks: +603 2272 1692
www.mycc.gov.my

# lembaran imbangan

**PADA 31 DISEMBER 2015**

| | Nota | 2015 RM | 2014 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 1,085,180 | 1,271,014 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit dan Prabayar | 5 | 213,830 | 213,550 |
| Faedah Terakru | | 57,835 | 194,778 |
| Pelbagai Penghutang | | 26,495 | 27,102 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 6 | 24,273,486 | 25,750,293 |
| | | 24,571,646 | 26,185,723 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | | 158,911 | 460,442 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 24,412,735 | 25,725,281 |
| | | **25,497,915** | **26,996,295** |
| **DIBIAYAI OLEH** | | | |
| Geran Pelancaran Terkumpul | | 25, 497,915 | 26,996,295 |
| | | **25,497,915** | **26,996,295** |

# penyata pendapatan

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

| | Nota | 2015 RM | 2014 RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Peruntukan Kerajaan Malaysia | | 4,600,000 | 7,017,500 |
| Faedah Simpanan Tetap | 7 | 805,296 | 740,491 |
| Yuran Permohonan Pengecualian | | 20,000 | 20,000 |
| Faedah Bank | | 12,506 | 44,749 |
| Yuran Seminar | | 6,312 | 10,350 |
| Denda dan Hukuman | | 141,580 | 175,050 |
| **Jumlah Pendapatan** | | **5,585,694** | **8,008,140** |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | | 2,811,289 | 2,724,298 |
| Perjalanan dan Penginapan | | 144,700 | 175,689 |
| Utiliti dan Komunikasi | | 238,827 | 145,621 |
| Sewa | | 930,118 | 775,320 |
| Susutnilai | 4 | 234,203 | 226,463 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 8 | 194,478 | 253,379 |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | | 343,823 | 1,491,201 |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | | 662,301 | 507,590 |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | | 76,279 | 61,435 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 9 | 1,448,056 | 2,184,146 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **7,084,074** | **8,545,142** |
| **KURANGAN PENDAPATAN** | | **(1,498,380)** | **(537,002)** |

# penyata perubahan ekuiti

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| **Pada 1 Januari 2014** | 27,533,297 | 25,193,482 |
| (Kurangan)/Lebihan Pendapatan | (537,002) | 2,339,815 |
| **Baki pada 31 Disember 2014** | **26,996,295** | **27,533,297** |
| Kurangan Pendapatan | (1,498,380) | (537,002) |
| **Baki pada 31 Disember 2015** | **25,497,915** | **26,996,295** |

# penyata aliran tunai

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

| | 2015 | 2014 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | |
| Kurangan Pendapatan | (1,498,380) | (537,002) |
| Pelarasan: | | |
| Susutnilai | 234,203 | 226,463 |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank | (805,296) | (740,491) |
| KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA | (2,069,473) | (1,051,030) |
| Pengurangan Deposit dan Prabayar | (280) | (13,200) |
| Pertambahan Pelbagai Penghutang | 607 | 144,389 |
| Pertambahan Pelbagai Pemiutang | (301,531) | (71,514) |
| TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI | (2,370,677) | (991,355) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (48,369) | (68,962) |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank Diterima | 942,239 | 681,649 |
| TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN | 893,870 | 612,687 |
| PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (1,476,807) | (378,668) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 25,750,293 | 26,128,961 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 24,273,486 | 25,750,293 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 461,208 | 1,269,271 |
| Simpanan Tetap | 23,812,278 | 24,481,022 |
| | 24,273,486 | 25,750,293 |

# nota nota kepada penyata kewangan

## 1 Maklumat Am

1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 Jun 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya Persaingan Malaysia merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

1.2 Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 telah diluluskan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya melalui resolusi pada 15 Ogos 2016.

## 2 Objektif Utama

Objektif Utama Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010 serta mendidik orang ramai mengenai cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi di Malaysia.

## 3 Dasar-dasar Perakaunan Utama

3.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian-PERS). Suruhanjaya Persaingan Malaysia bercadang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan MPERS bermula tahun kewangan tahun 2016.

3.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat geran peruntukan mengurus sebanyak RM4,600,000 (2014: RM7,017,500) bagi menampung tanggungan kewangan dan tidak menerima peruntukan perbelanjaan modal Suruhanjaya pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (2013: RM7,000,000).

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut.

| | |
|---|---|
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Peralatan pejabat dan perabot | 10% |
| Buku | 10% |
| Komputer | 10% |

3.4 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai nilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

# nota nota kepada penyata kewangan

**3 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

3.4 Susutnilai Aset (bersambung)

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai. Kerugian susutnilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi baki tunai dalam tangan, dan bank serta deposit berkecairan tinggi dan mampu ditukar kepada tunai tanpa risiko jangka pendek.

3.6 Pengiktirafan Pendapatan

Semua pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia diambil kira dalam Penyata Kewangan mengikut asas akruan kecuali Peruntukan Kerajaan Malaysia. Pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia terdiri daripada Peruntukan Kerajaan Malaysia, Faedah Simpanan Tetap dan Bank, Yuran Permohonan Pengecualian, Yuran Seminar dan denda atau hukuman.

Peruntukan Kerajaan Malaysia yang diterima bagi tujuan perbelanjaan mengurus dibuat serta diambil kira sebagai pendapatan.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

Pendapatan Denda dan Hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

# nota nota kepada penyata kewangan

**3 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (bersambung)

i. Risiko Kadar Faedah
Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

ii. Risiko Kredit
Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

iii. Risiko Pertukaran Matawang Asing
Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iv. Risiko Mudah Tunai
Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

v. Risiko Tindakan Guaman
Subseksyen 3 (3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3 (4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

3.8 Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek
Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

ii. Pelan Caruman Tetap
Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

3.9 Cukai Pendapatan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pengecualian cukai pendapatan (kecuali pendapatan dividen) yang diterima oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia daripada Kementerian Kewangan selama 5 tahun iaitu daripada tahun 2011 hingga 2015.

3.10 Kemungkinan Luar Jangka

Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah MASB 20 tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjejaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

# nota nota kepada penyata kewangan

**4. Hartanah, Loji dan Peralatan**

| | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 519,366 | 211,113 | 279,383 | 777,776 | 1,787,638 |
| Tambahan Tahun Semasa | - | 29,723 | - | 18,646 | 48,369 |
| Baki pada 31 Disember 2015 | 519,366 | 240,836 | 279,383 | 796,422 | 1,836,007 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 298,167 | 42,796 | 42,081 | 133,580 | 516,624 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 103,873 | 22,750 | 27,938 | 79,642 | 234,203 |
| Baki pada 31 Disember 2015 | 402,040 | 65,546 | 70,019 | 213,222 | 750,827 |
| **Nilai Buku Bersih** | 117,326 | 175,290 | 209,364 | 583,200 | 1,085,180 |

# nota nota kepada penyata kewangan

## 4. Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)

| | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2014 | 519,366 | 207,213 | 253,662 | 738,435 | 1,718,676 |
| Tambahan Tahun Semasa | - | 3,900 | 25,721 | 39,341 | 68,962 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 519,366 | 211,113 | 279,383 | 777,776 | 1,787,638 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2014 | 194,293 | 22,042 | 15,985 | 57,841 | 290,161 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 103,874 | 20,754 | 26,096 | 75,739 | 226,463 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 298,167 | 42,796 | 42,081 | 133,580 | 516,624 |
| **Nilai Buku Bersih** | 221,199 | 168,317 | 237,302 | 644,196 | 1,271,014 |

# nota nota kepada penyata kewangan

| | | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|---|
| **5** | **Deposit dan Prabayar** | | |
| | Deposit elektrik | 71,851 | 71,851 |
| | Deposit sewa ruang pejabat | 13,200 | 13,200 |
| | Lain-lain deposit dan cagaran | 124,302 | 124,302 |
| | Prabayar | 4,477 | 4,197 |
| | | 213,830 | 213,550 |
| **6** | Tunai dan Kesetaraan tunai | | |
| | **a) Wang Tunai dan Baki Bank** | | |
| | Tunai dalam tangan dan bank | 1,971 | 4,481 |
| | Akaun Semasa CIMB (Mengurus) | 198,219 | 982,393 |
| | Akaun Semasa CIMB (Pembangunan) | 261,018 | 282,397 |
| | | 461,208 | 1,269,271 |
| | **b) Simpanan Tetap** | | |
| | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 4,470,566 | 4,317,579 |
| | Malaysia Building Society Berhad | 15,037,923 | 16,038,660 |
| | HwangDBS Investment Bank Berhad | 4,303,789 | 4,124,783 |
| | | 23,812,278 | 24,481,022 |
| | Tunai dan Kesetaraan Tunai | **24,273,486** | **25,750,293** |

# nota nota kepada penyata kewangan

| | | 2015 | 2014 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| **7** | **Faedah Simpanan Tetap** | | |
| | Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 136,976 | 113,348 |
| | Malaysia Building Society Berhad | 505,955 | 533,357 |
| | HwangDBS Investment Bank Berhad | 162,365 | 93,786 |
| | | 805,296 | 740,491 |

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.15% - 4.00% dan tempoh simpanan adalah di antara 7 hari hingga 12 bulan

| | | 2015 | 2014 |
|---|---|---|---|
| **8** | **Perbelanjaan Pentadbiran** | | |
| | Minyak Petrol | 19,190 | 24,105 |
| | Perbelanjaan Pejabat | 172,114 | 205,180 |
| | Lain-Lain Cukai | 3,174 | 22,368 |
| | Alat Ganti Kelengkapan Pejabat | - | 1,726 |
| | | 194,478 | 253,379 |
| **9** | **Perbelanjaan Pembangunan** | | |
| | Latihan Pembangunan Kapasiti | 326,757 | 36,590 |
| | Program Advokasi | 128,297 | - |
| | Penguatkuasaan dan Penyiasatan | 22,233 | - |
| | Perancangan Media dan Komunikasi | 566,648 | 1,990,548 |
| | Perundangan | 404,121 | - |
| | Penyelidikan | - | 157,008 |
| | | 1,448,056 | 2,184,146 |

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

Aras 15, Menara SSM@Sentral

No 7, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50623 Kuala Lumpur

**T** +603 2273 2277

**F** +603 2272 2293

**E** enquiries@mycc.gov.my

**W** mycc.gov.my